

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA MAJLIS UniMAP 'SAFETY CHALLENGE'**  
**PADA 9 APRIL 2011**  
**DI PPK PEMBUATAN, ULU PAUH**

Bismillahirrahmanirrahim

Y. Bhg. Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor  
Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua  
Jabatan, Wakil-wakil media

Warga kerja dan para pelajar Universiti Malaysia Perlis yang  
dikasihi

dan seterusnya para hadhirin yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Satu Malaysia.

Selamat pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua untuk bersama-sama pada hari ini di **Aktiviti UniMAP Safety Challenge sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP 2011**. Semoga majlis kita pada hari ini diberkati dan dirahmati oleh Nya.

Saya berasa amat bersyukur dengan rahmat serta izin Nya pada hari ini saya dikurniakan nikmat kesihatan yang baik untuk terus melaksanakan tugas saya seperti biasa. Saya ingin menyarankan semua warga UniMAP agar lebih mengambil berat mengenai aspek kesihatan dan keselamatan dalam menjalankan tugas seharian kerana ia penting untuk memastikan hasil kerja yang berkualiti dan bermutu. Tanpa nikmat kesihatan yang baik dan aspek keselamatan yang terjamin, sesuatu kerja akan gagal dilaksanakan. Dan ianya perlu dipraktikkan sepanjang masa.

Hadhirin dan hadhirat sekalian,

Bersempena dengan **Tema Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun ini iaitu, Keselamatan Di Jalan Raya**, saya merasakan aktiviti Safety Challenge yang menggunakan format 'Treasure Hunt' ini adalah sangat bersesuaian dalam inisiatif untuk menguji dan meningkatkan kesedaran semua peserta mengenai peraturan-peraturan dan keselamatan di jalan raya yang patut dipatuhi sepanjang masa.

Aktiviti sebegini seharusnya diberi sambutan oleh semua pihak kerana bukan sahaja ia membawa keuntungan kepada individu yang terlibat, tetapi, terhadap orang ramai kerana kita semua sentiasa menggunakan jalan raya dalam kehidupan kita sehari-hari.

Sehubungan dengan itu, aktiviti sebegini juga dapat mempererat lagi silaturrahim di antara warga UniMAP serta peserta jemputan kita dan memberi peluang kepada semua untuk mengenali kampus UniMAP dengan lebih dekat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak UKKP serta AJK-AJK yang terlibat dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya, inisiatif yang diambil dalam usaha meningkatkan kesedaran keselamatan di jalan raya

khususnya, dan keselamatan diri amnya, kepada semua yang menyertai program ini adalah sesuatu yang amat dihargai dan disokong. Saya berharap agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dan kesedaran terhadap keselamatan di jalan raya tidak mati disini sahaja.

Hadhirin dan hadhirat sekalian,

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan semoga berjaya kepada semua peserta-peserta kita pada hari ini. Dan ingin saya ingatkan semula kepada semua agar sentiasa mematuhi peraturan dan berhati-hati serta berwaspada di jalan raya bukan sahaja pada sepanjang aktiviti ini, tetapi, dipraktikkan terus dalam kehidupan seharian kita.

Dengan ini saya menutup ucapan saya dengan ucapan Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.